

Shahrizat beri keterangan kepada SPRM

PUTRAJAYA 8 Feb. - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil hari ini hadir memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan terhadap dakwaan penyelewengan dalam Perbadanan Fidlot Nasional (NFC).

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO tiba pukul 4 petang, berbaju kurung ungu muda dan bertudung putih kelihatan tenang.

Kehadiran beliau disambut Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali dan Penolong Pesuruhjaya SPRM, Jamil Dahlam.

Shahrizat tampil memberi kenyataan kepada SPRM buat kali pertama selepas pulang daripada bercuti selama tiga minggu dan berada di dalam bangunan SPRM lebih dua jam.

Bercakap kepada pemberita, katanya, beliau dengan rela hati datang memberi kenyataan kepada SPRM bagi menjawab segala tuduhan liar yang dilemparkan sebelum ini.

Katanya, soalan yang dikemukakan oleh pihak SPRM adalah berkaitan penglibatannya dalam membuat keputusan di NFC.